

'Sebulan sukar nak tidur malam'

Som tidak dapat lupakan tragedi ragut nyawa suami, tiga anaknya

AKMALIAH RAZAK

GUA MUSANG

Saya masih tidak dapat melupakan arwah suami dan anak," luah Som Ngai, isteri kepada tok batin, Hamdan Keladi yang meninggal dunia akibat jangkitan demam campak yang melanda penduduk orang asli suku Bateq Kampung Kuala Koh di sini baru-baru ini.

Som, 50, berkata, sebulan selepas tragedi yang meragut nyawa suami dan tiga anaknya, Leha Ham-



Jenazah orang asli suku Bateq dikebumikan dalam satu liang lahad pada Jun lalu.

dan, 30, Romi, 29 dan Din, 18, barulah dia dapat melupakan mata pada waktu malam.

Menurutnya, setiap

hari, rutin hariannya adalah berada di Tanah Perkuburan Islam suku Bateq, Kampung Kuala Koh bagi menziarahi pu-

sara suami dan anak.

"Suami saya dipilih sebagai tok batin sejak lima tahun lalu. Rutin harian kami sering bersama iaitu



SOM NGAI

mencari sumber hutan.

"Kehilangan arwah memberi kesan mendalam buat saya apatah lagi tiga anak turut meninggal dunia. Sebulan saya tidak boleh tidur teringat keadaan arwah.

"Selepas arwah dan anak-anak dikebumikan, saya akan ke kubur setiap hari untuk bersihkan kubur," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Som berkata, kini dia

tinggal bersama tiga anaknya iaitu Laila dan Asiah di perkampungan berkenaan.

"Bila saya teringat kejadian yang berlaku lima bulan lalu, saya jadi sedih, takut dan menangis seorang diri. Mereka pergi dalam keadaan terseksa.

"Bila saya pejamkan mata, saya terbayang bagaimana mereka mengadu sakit. Selepas beberapa hari suami pergi, anak saya, Laila dan Romi, meninggal dunia pada hari sama.

"Empat hari kemudian, Din pula tiada. Asiah juga sakit ketika itu namun dia berjaya diselamatkan selepas dibawa ke hospital untuk rawatan," katanya.

Sebelum ini, Hamdan dan tiga anaknya antara 16 orang asli suku Bateq yang meninggal dunia akibat jangkitan demam campak yang melanda perkampungan mereka sejak Mei lalu.